

Neurofind Prolonged Release Tablets

Methylphenidate hydrochloride (18 mg, 27 mg, 36 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Neurofind
2. Bagaimana Neurofind berfungsi
3. Sebelum menggunakan Neurofind
4. Cara menggunakan Neurofind
5. Semasa menggunakan Neurofind
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Neurofind
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Neurofind

Neurofind digunakan untuk rawatan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) bagi kanak-kanak dan remaja berusia 6 hingga 17 dan orang dewasa yang berumur 18 hingga 65 tahun.

Bagaimana Neurofind berfungsi

Neurofind meningkatkan aktiviti bahagian-bahagian otak tertentu yang kurang aktif. Ubat ini boleh membantu meningkatkan perhatian (tempoh perhatian), tumpuan dan mengurangkan tingkah laku impulsif.

Ubat ini diberi sebagai sebahagian daripada program rawatan, yang biasanya termasuk:

- psikologi
- pendidikan dan
- terapi sosial

Walaupun tidak ada rawatan untuk menyembuhkan ADHD, ia boleh dikawal dengan menggunakan program rawatan.

Sebelum menggunakan Neurofind

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan mengambil Neurofind jika anda:

- alah kepada methylphenidate atau bahan-bahan lain dalam ubat ini
- sedang dirawat atau baru-baru

ini telah dirawat dengan ubat perencat *monoamine oxidase* (MAO) dalam tempoh masa 14 hari

- menggunakan methylphenidate untuk kemurungan yang teruk dan/atau sebagai pencegahan atau rawatan keletihan normal
- untuk kegunaan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun

- Sebelum menggunakannya

Sila berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil Neurofind jika anda:

- mempunyai masalah jantung
- mempunyai keadaan perubatan yang berkaitan dengan tekanan darah dan kadar denyutan jantung
- mempunyai tik (pergerakan atau bunyi yang anda tidak boleh kawal) atau sindrom Tourette, atau jika ahli keluarga anda yang lain mengalami tik atau sindrom Tourette
- mempunyai masalah mental yang serius
- pernah mengalami sawan sebelum ini
- mempunyai masalah dengan saluran darah di otak anda (seperti aneurisme)
- mengalami sakit kepala yang teruk, kelemahan atau lumpuh di mana-mana bahagian badan, atau mengalami masalah dengan koordinasi, penglihatan, bercakap, mencari perkataan atau dengan ingatan anda
- mempunyai sejarah ketagihan dadah atau alkohol
- mempunyai penyempitan atau penyumbatan saluran gastrousus (esofagus, perut, usus kecil atau besar)
- mempunyai masalah buah pinggang atau hati
- mempunyai kesukaran untuk menelan
- tidak membesar seperti dijangkakan untuk umur anda (doktor anda akan memantau ketinggian dan berat badan anda)
- mempunyai masalah mata seperti peningkatan tekanan pada mata (*glaucoma*), atau rabun jauh (sukar melihat objek berhampiran)

Mengandung dan menyusukan anak
Methylphenidate menyerap masuk ke dalam susu ibu. Maklumkan doktor

anda jika anda hamil, merancang untuk hamil, menyusui, atau merancang untuk menyusui. Doktor anda akan menentukan sama ada anda boleh mengambil Neurofind.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda mengenai semua ubat yang anda ambil. Doktor anda akan menentukan sama ada anda boleh mengambil Neurofind dengan ubat-ubat lain.

- Neurofind tidak boleh digunakan pada mereka yang dirawat (kini atau dalam tempoh 2 minggu sebelum ini) dengan perencat MAO (lihat Bila tidak boleh menggunakan)
- Neurofind patut digunakan dengan berhati-hati dengan ejen-ejen vasopressor, sejenis ubat yang digunakan untuk meningkatkan tekanan darah anda
- Neurofind boleh mengurangkan keberkesanan ubat jenis yang dipanggil ‘antihipertensi’ yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi. Doktor anda akan menyemak tekanan darah anda dan mengubah dos ubat antihipertensi anda
- Beritahu doktor anda kalau anda ada pembedahan. Neurofind tidak boleh digunakan dengan ubat-ubat bius tertentu pada hari pembedahan, kerana terdapat kemungkinan kenaikan tekanan darah dan kadar degupan jantung secara tiba-tiba semasa pembedahan
- Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat jenis yang dipanggil antipsikotik
- Neurofind boleh mengubah cara badan anda bertindak balas kepada ubat-ubat tertentu. Ini termasuk ubat-ubat tertentu yang digunakan untuk merawat kemurungan (*tricyclics* dan *selective serotonin uptake inhibitor*), kelas ubat untuk mencegah sawan (cth. *phenobarbital*, *phenytoin*, *primidone*), atau mengelakkan pembekuan darah (biasanya dikenali sebagai ‘pencair darah’). Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubat ini jika anda mengambil mereka dengan Neurofind

Neurofind Prolonged Release Tablets

Methylphenidate hydrochloride (18 mg, 27 mg, 36 mg)

Cara menggunakan Neurofind

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil dos yang ditetapkan oleh doktor anda. Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai untuk anda.

- Bila perlu digunakan

Ambil Neurofind sekali sehari pada waktu pagi.

Neurofind boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Telan tablet secara keseluruhan dengan air atau cecair yang lain.

Jangan **menyuntah, menghancurkan** atau **memecahkan** tablet.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Neurofind untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan: muntah, rasa gelisah, sentakan otot, sawan, rasa keliru, khayalan, berpeluh berlebihan, sakit kepala, demam, denyutan jantung pantas, debaran

jantung, tekanan darah tinggi, anak mata mengembang, dan mulut kering.

Semasa menggunakan Neurofind

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor anda
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Neurofind
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda
- Jangan berkongsi Neurofind dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama
- Jangan bimbang jika sesekali anda melihat ada sesuatu yang kelihatan seperti tablet dalam najis

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan penggunaan mesin

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Anda harus berhati-hati sehingga anda benar-benar pasti bahawa Neurofind tidak menjejaskan keupayaan anda untuk melakukan aktiviti tersebut.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Neurofind boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Sangat biasa (boleh menjejaskan lebih daripada 1 dalam 10 orang)

- Kurang selera makan
- Kesukaran untuk tidur
- Sakit kepala
- Mulut kering
- Loya

Biasa (boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang)

- Demam, batuk dan sakit tekak
- Penglihatan kabur
- Ruam kulit
- Demam selsema
- Rasa berpusing-pusing, terhuyung-hayang atau pening kepala
- Sakit perut
- Muntah, cirit birit dan sembelit
- Berat badan berkurangan
- Degupan jantung terasa laju atau debaran jantung yang kuat
- Hangat memerah
- Tekanan darah meningkat
- Peningkatan *alanine aminotransferase* (enzim hati) dalam darah
- Kesukaran bernafas
- Geletar, ketegangan dan kekejangan otot
- Kesukaran mendapatkan dan mengekalkan ereksi (mati pucuk)
- Pergerakan atau bunyi yang anda tidak dapat kawal (tik)
- Rasa luar biasa pada kulit (seperti kesemutan atau perasaan merangkak)
- Merasa tertekan dan gelisah
- Mengetap atau mengisar gigi
- Nafsu seks berkurang
- Serangan panik
- Berpeluh yang berlebihan dan rasa haus
- Perubahan emosi
- Merasa tegang, keliru, marah, lemah dan mengantuk
- Menjadi agresif, resah atau mudah terganggu

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Neurofind

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C
- Pastikan bekas tertutup rapat untuk

Neurofind Prolonged Release Tablets

Methylphenidate hydrochloride (18 mg, 27 mg, 36 mg)

melindungi daripada kelembapan

- Jauhkan ubat daripada kanak-kanak

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Neurofind 18 mg:

Tablet bulat, dwicembung, bersalut filem kuning, diameter 8.5 mm, dengan satu titik mikroskopik di bahagian tengah salah satu muka tablet

Neurofind 27 mg:

Tablet bulat, dwicembung, bersalut filem kelabu, diameter 8.5 mm, dengan satu titik mikroskopik di bahagian tengah salah satu muka tablet

Neurofind 36 mg:

Tablet bulat, dwicembung, bersalut filem putih, diameter 10 mm, dengan satu titik mikroskopik di bahagian tengah salah satu muka tablet

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Methylphenidate hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Kandungan tablet:

Hypromellose, Polyethylene oxide, Succinic acid, Magnesium stearate, Sodium chloride, silica colloidal anhydrous, Black iron oxide, Cellulose acetate, Polyethylene glycol, Acetone, Phosphoric acid

Penyalut tablet 18 mg:

Lactose monohydrate, Hypromellose, Titanium dioxide, Triacetin, Yellow iron oxide, Red iron oxide

Penyalut tablet 27 mg:

Lactose monohydrate, Hypromellose, Titanium dioxide, Triacetin, Black iron oxide, Red iron oxide

Penyalut tablet 36 mg:

Lactose monohydrate, Hypromellose, Titanium dioxide, Triacetin

- Nombor MAL

MAL26076047ACZ (18 mg)

MAL26076033ACZ (27 mg)

MAL26076032ACZ (36 mg)

Pengilang

Laboratorios Liconsa S.A.

Avda. Miralcampo 7,

Pol. Ind. Miralcampo,

Azuqueca de Henares,

19200 Guadalajara Espana Spain

Pemegang Pendaftaran Produk

Lotus Healthcare Malaysia Sdn. Bhd.

UOA Business Park, Tower 3,

9th Floor, K03-09-11,

1 Jalan Pengaturcara U1/51A,

Section U1 40150 Shah Alam,

Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

15/07/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/016